

## *Pengajaran Kefahaman Membaca Melalui Drama*

**Nur Muhammad Jalil**

nur\_muhammad@schools.gov.sg

**Nurhiza Mohamed**

nurhiza\_mohamed@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Cantonment**

### *Abstrak*

Murid sering menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan kefahaman subjektif. Hal ini jelas terbukti berdasarkan markah yang diperolehi terutamanya bagi kertas peperiksaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mempersiapkan dan membina kemahiran murid menjawab soalan kefahaman dengan berkesan melalui penerapan drama dalam pengajaran kefahaman membaca. Dapatan kajian menunjukkan penerapan drama mampu meningkatkan keupayaan murid menjawab soalan kefahaman dengan lebih baik. Penggunaan drama juga terbukti berkesan untuk menjadikan pengajaran kefahaman lebih menarik dan mampu menyuntik elemen keseronokan dalam pembelajaran. Keyakinan murid untuk bertutur dalam bahasa Melayu juga meningkat melalui aktiviti-aktiviti drama di dalam kelas.

Kata Kunci: strategi drama, kefahaman, eksplisit, main peranan

## PENGENALAN

Guru sering berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk merangsang minat murid mempelajari Bahasa Melayu. Oleh itu, pelbagai strategi dan cara diusahakan untuk memastikan murid berminat mempelajari bahasa Melayu.

Melalui tinjauan yang dijalankan oleh guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Cantonment (CPS) pada akhir tahun 2017, bilangan murid yang gagal dalam komponen kefahaman amat membimbangkan. Justeru, Unit Bahasa Melayu CPS telah menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan drama dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu, khususnya komponen kefahaman membaca.

Drama digunakan dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk menyuntik elemen keseronokan di dalam kelas. Drama merangsang murid untuk berfikir dan meneroka imaginasi mereka. Strategi-strategi drama telah digunakan dalam kelas dengan memberi tumpuan pada interaksi yang berlaku antara murid dengan guru dan dalam kalangan murid. Drama juga berupaya mengasah kebolehan murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis. Hal ini sejajar dengan visi dan misi Kementerian Pendidikan Singapura untuk melahirkan murid yang berupaya berfikir secara kritis dan kreatif.

Semasa berlakon, murid bermain peranan dan sekali gus keluar daripada zon keselesaan mereka. Namun, pembelajaran tidak sekadar berlaku semasa lakonan sahaja, malah pembelajaran juga berlaku semasa murid secara aktif melibatkan diri dalam aktiviti seperti perbualan, perbincangan dan aktiviti kumpulan. Kesemua ini menyumbang kepada proses pembelajaran dan secara tidak langsung, pemikiran murid dapat diasah untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

Unit Bahasa Melayu CPS telah mengaplikasikan strategi-strategi drama untuk mengajar kefahaman membaca. Antara strategi drama yang digunakan ialah Bingkai Beku (*Freeze Frame*), Main Peranan (*Role Play*) dan Tembok Peranan (*Role on the Wall*). Kertas kajian ini akan membincangkan pelbagai strategi drama dan bagaimana strategi-strategi ini berupaya meningkatkan pemahaman murid terhadap teks kefahaman bagi memudahkan murid menjawab soalan kefahaman. Selain itu, pembelajaran melalui drama juga diharapkan dapat meningkatkan prestasi murid dalam subjek Bahasa Melayu, terutama bagi kemahiran bertutur.



## PERNYATAAN MASALAH

Salah satu komponen Kertas 2 Bahasa Melayu ialah kefahaman subjektif. Murid dikehendaki menjawab soalan kefahaman berdasarkan sebuah teks. Murid sering menghadapi kesukaran dalam memahami teks kefahaman. Oleh itu, mereka tidak dapat menjawab soalan kefahaman dengan baik. Biasanya, jawapan murid tidak tepat, tidak lengkap atau terlalu panjang. Hal ini mengakibatkan kehilangan markah dan menjejaskan keputusan keseluruhan mereka. Ia juga memberi kesan kepada pengurusan masa mereka semasa menduduki peperiksaan kerana mereka menghabiskan banyak masa untuk menjawab soalan kefahaman.

Justeru, kajian yang dijalankan ini menggabungkan pelbagai strategi drama seperti Bingkai Beku (*Freeze Frame*), Main Peranan (*Role Play*) dan Tembok Peranan (*Role on the Wall*) untuk membantu murid memahami teks kefahaman dengan lebih berkesan. Strategi-strategi drama ini diharapkan dapat membantu murid untuk memahami teks kefahaman agar dapat menjawab soalan kefahaman dengan lebih baik.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan kebolehan kefahaman membaca murid; dan
2. meneliti keberkesanan penggunaan strategi drama bagi kefahaman membaca.

## KAJIAN LEPAS

Pendekatan drama telah banyak dilaksanakan untuk menarik minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP). Manfaat yang diraih menerusi pendekatan drama dapat dilihat menerusi kajian-kajian yang pernah dijalankan.

Kajian yang telah dijalankan oleh Basom (2005) menunjukkan bahawa murid yang didedahkan kepada pendekatan drama menerusi PdP di sekolah mencapai peningkatan dalam pembelajaran mereka dan membangkitkan keyakinan mereka berinteraksi serta cara mereka berfikir. Para pelajar juga terdedah kepada penyediaan peluang untuk menggunakan bahasa yang baik semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan. Kajian ini jelas memaparkan kesan positif terhadap pertumbuhan murid yang menyentuh aspek fizikal, emosional, sosial dan juga kognitif.



Menurut Soh (1999) pula, drama memberikan setiap murid peluang untuk bersuara semasa aktiviti pembelajaran. Murid belajar bekerjasama, bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka dan melihat sesuatu perkara dengan cara yang berbeza.

Melalui drama juga, murid lebih terdedah kepada pengalaman belajar secara langsung. Menurut Howell dan Heap (2001), guru dapat mengajak murid menyelami dunia rekaan melalui drama dan murid berpeluang menjana idea sendiri semasa aktiviti pembelajaran.

Di Singapura, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh para guru mengenai keberkesanan pendekatan drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pada tahun 2014, guru-guru Sekolah Rendah Xishan telah menghasilkan kertas kajian yang bertajuk 'Keberkesanan Pendekatan Drama Menerusi Penilaian K.P.E. Murid dalam PdP Bahasa Melayu'. Kajian ini menunjukkan bahawa melalui drama, murid semakin yakin dan berupaya untuk berinteraksi. Murid dapat bertukar-tukar pendapat dan respons secara kritikal. Murid juga menunjukkan peningkatan dari segi pertumbuhan dari aspek fizikal, sosial, emosi dan kognitif.

Sehubungan dengan itu, kajian yang bertajuk 'Drama Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu' yang dijalankan oleh guru-guru Sekolah Menengah Zhenghua (2015) turut membuktikan bahawa drama merupakan strategi menarik yang menggalakkan kerjasama, kawalan sendiri, pembelajaran yang berorientasikan matlamat dan kemahiran kecerdasan emosi. Penggunaan drama dalam pembelajaran bahasa Melayu berjaya memperkasakan penguasaan dan kelancaran pertuturan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Murid juga kelihatan lebih yakin menggunakan bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menerapkan strategi drama yang diutarakan oleh Lenore B Kelner dan Rosalind Flynn (2006). Mereka telah mengemukakan strategi dan aktiviti drama yang boleh digunakan untuk mengenalkan dan meneroka petikan kefahaman dengan lebih menarik dan interaktif.

Selain itu, kaedah pengajaran secara eksplisit yang diterajui oleh Rosenshine (1985) turut diaplikasikan. Kaedah pengajaran ini merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur, sistematik dan menekankan penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa pelajar melalui penyertaan aktif dalam proses pembelajaran. Kaedah pengajaran ini digunakan sebagai panduan



bagi melakar rancangan pelajaran yang lebih tersusun. Kaedah pengajaran secara eksplisit terdiri daripada lima peringkat, iaitu peringkat pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup. Selain itu, kajian ini turut menggunakan strategi pembelajaran kooperatif dan menerapkan penilaian formatif menggunakan *FAST kits* dan refleksi bagi menimbulkan keseronokan dalam PdP mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Penerapan elemen-elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) turut diambil kira bagi memastikan PdP menjadi lebih tersusun dengan memberikan tumpuan kepada beberapa aspek pengajaran dan aktiviti mengajar. Elemen STP yang diambil kira dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah ini.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	<p>AP14: Merangsang Minat</p> <p>AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar</p>	<p>AM1: Menggunakan cerita dan imejan Guru menunjukkan sebuah video bagi melaksanakan strategi Bingkai Beku untuk memberi gambaran kepada murid mengenai strategi tersebut. Selain itu, guru merangsang minat murid dengan memaparkan beberapa aksi dan perasaan untuk murid Terlibat dalam aktiviti drama.</p> <p>AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi Bagi kajian ini, kumpulan murid dibentuk secara rawak berdasarkan kebolehan murid berfikir dengan kreatif serta sifat-sifat seperti keberanian dan bersahaja. Ini menggalakkan kerjasama antara murid dan meningkatkan interaksi antara mereka semasa aktiviti perbincangan melakonkan sesuatu babak.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	AP23: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri	AM3: Main Peranan Murid melakonkan babak berdasarkan pemahaman dan penghayatan mereka terhadap teks yang dibaca. Murid akan memberitahu guru secara ringkas dramatisasi mereka dan guru sebagai fasilitator akan memberi bimbingan jika perlu.

Penerangan dan Justifikasi	Guru merangsang minat murid dengan menggunakan drama untuk memahami petikan teks dalam kefahaman membaca. Minat murid dipertingkatkan apabila murid berasa selesa dengan suasana persekitaran yang menyokong pembelajaran. Guru menggalakkan penglibatan murid dalam domain afektif, tingkah laku dan kognitif. Penglibatan merupakan syarat penting bagi pembelajaran yang mendalam dan menyeronokkan. Murid harus menumpukan perhatian dan aktif dalam pembelajaran. Guru juga memupuk hubungan positif sesama murid dengan menggalakkan murid belajar secara berkolaborasi dan membina interaksi yang bermakna. Guru juga membuat refleksi tentang pembelajaran mereka.
----------------------------	--

## Subjek Kajian

Seramai 19 orang murid Darjah 5 Bahasa Melayu standard yang berada dalam tahap pelbagai keupayaan, iaitu prestasi melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan pemahaman murid untuk menjawab soalan kefahaman subjektif.

## Instrumen Kajian

Kajian ini menggabungkan penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Data dikumpulkan berdasarkan sesi pemantauan di dalam kelas, lapor balik daripada borang refleksi murid dan temu bual dengan guru untuk melihat keberkesanan drama dalam PdP kefahaman membaca. Pencapaian murid bagi SA1 dan SA2 akan diteliti juga. Selain itu, pemerhatian guru terhadap sikap dan pemahaman murid juga diambil kira dalam kajian ini.

## Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan sepanjang tahun 2018 di bawah naungan Jawatankuasa Pembelajaran Profesional (*Professional Learning Committee - PLC*). Kumpulan PLC ini telah memilih kaedah Kajian Pengajaran. Sebanyak empat putaran kajian pengajaran telah dijalankan dengan menggunakan sampel kajian yang sama. Analisis data kemudian dilakukan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan aktiviti drama dalam PdP kefahaman membaca.

Guru juga telah mengikuti bengkel drama untuk mempelajari strategi-strategi drama yang boleh diterapkan dalam pengajaran. Guru kemudian memilih petikan yang sesuai dan mengubah suai pendekatan pengajaran untuk melaksanakan strategi-strategi drama dalam pengajaran kefahaman.



Guru menyediakan peralatan mengajar drama bagi mewujudkan suasana yang menyeronokkan dalam bilik darjah. Tempat duduk murid dan meja-meja di dalam kelas juga diubah susunannya agar tempat menjadi luas supaya murid lebih selesa apabila mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Pada awal pelajaran, guru menarik minat murid untuk mengikuti aktiviti pembelajaran melalui drama dengan menerangkan hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Kemudian, guru menerangkan beberapa peraturan yang harus dipatuhi murid, iaitu setiap murid harus mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran sepanjang program ini. Guru juga memainkan peranan bersama murid. Ini akan membina hubungan antara guru dengan murid agar mereka tidak berasa segan memainkan peranan atau melakukan aksi-aksi bersama guru. Murid harus berasa bebas dan selesa untuk menggunakan daya kreatif mereka melakonkan watak dalam sesuatu babak.

Terdapat beberapa strategi drama yang digunakan dalam kajian ini. Antara strategi-strategi yang digunakan ialah Bingkai Beku (*Freeze frames*) dan Tembok Peranan (*Role on the Wall*). Semasa aktiviti Bingkai Beku, murid melakukan pergerakan tubuh untuk menjelaskan pendapat, keadaan atau imej sesuatu kejadian. Kemudian, murid menulis perasaan sesuatu watak di papan tulis melalui strategi Tembok Peranan (*Role on the Wall*).

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**


Secara keseluruhan, pengkaji mendapati bahawa murid menunjukkan respons yang positif terhadap penerapan drama dalam pelajaran kefahaman. Berdasarkan rubrik yang diberikan kepada murid pada akhir pelajaran, kebanyakan murid memberikan maklum balas dan respons yang menggalakkan. Respons murid terdapat dalam Jadual 2 dan Rajah 1.



**Jadual 2: Respons Murid Mengenai Penerapan Drama dalam PdP Kefahaman Membaca**

No	Penggunaan strategi drama membantu saya...	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju
1	memahami teks kefahaman dengan lebih baik berbanding dengan strategi pengajaran biasa.	89.5%	10.5%	0%
2	memahami tingkah laku watak-watak.	84.2%	50.8%	0%
3	memahami perasaan watak-watak.	100%	0%	0%
4	mengenal pasti idea utama dalam setiap perenggan.	94.7%	5.3%	0%

**Rajah 1: Respons Murid Mengenai Penerapan Drama dalam PdP Kefahaman Membaca**





bahawa ‘Penggunaan strategi drama dalam pelajaran kefahaman membantu saya memahami teks kefahaman dengan lebih baik berbanding dengan strategi pengajaran biasa’ adalah sebanyak 89.5%. Strategi pengajaran biasa merujuk kepada strategi yang mahukan murid mengenal pasti watak utama, isi utama dan kata-kata kunci dalam teks kefahaman untuk memahami sesuatu teks kefahaman selepas membaca sesuatu teks itu.

Seramai 84.2% murid pula sangat setuju dengan pernyataan kedua bahawa ‘Penggunaan strategi drama membantu saya memahami tingkah laku watak-watak’.

Semua murid menyatakan sangat setuju dengan pernyataan ketiga, iaitu ‘Penggunaan strategi drama membantu saya memahami perasaan watak-watak’. Melalui ekspresi wajah dan aksi watak-watak yang murid telah lakonkan, murid dapat melihat dan memahami dengan lebih jelas maksud sesuatu perasaan yang dinyatakan dalam teks kefahaman. Contohnya, kata adjektif perasaan seperti sugul, marah dan berang. Contoh yang lain seperti yang berikut.

**Jadual 3: Contoh Kata Adjektif Perasaan dan Penggunaannya dalam Ayat**

Perkataan	Contoh Ayat
panik	Mereka berasa <b>panik</b> apabila lif itu berhenti secara tiba-tiba.
takut	Dia <b>takut</b> dimarahi guru kerana lambat ke sekolah.
kecewa	Rafail <b>kecewa</b> bajunya basah kuyub.
risau	Dia <b>risau</b> tiada orang yang datang menolong membuka pintu lif.
geram	Rafail <b>geram</b> , pintu lif itu masih tidak terbuka.

Peratusan murid yang sangat setuju dengan pernyataan keempat, ‘Penggunaan strategi drama membantu saya mengenal pasti idea utama dalam setiap perenggan’ adalah sebanyak 94.7%. Apabila setiap kumpulan melakonkan satu perenggan daripada seluruh teks kefahaman, murid yang lain dapat menumpukan perhatian pada perenggan itu dan memikirkan dengan teliti apakah mesej yang ingin disampaikan melalui dramatisasi tersebut. Oleh itu, murid akan lebih prihatin dan jelas akan idea utama dalam sesuatu perenggan.

Bagi maklum balas bertulis pula, murid dikehendaki memberikan sebab



mengapa mereka tertarik dengan penggunaan drama dalam pembelajaran kefahaman. Beberapa respons murid terdapat dalam Jadual 4.

**Jadual 4: Contoh Maklum Balas Murid Mengenai Penerapan Drama dalam PdP Kefahaman Membaca**


Responden	Saya suka penggunaan drama dalam pengajaran kefahaman kerana...
Murid 1	saya boleh bayangkan apa yang terjadi.
Murid 2	senang bagi saya mengingati apa yang terjadi dalam cerita.
Murid 3	lebih mudah untuk memahami teks kefahaman.
Murid 4	apabila saya lebih memahami teks kefahaman, lebih mudah untuk saya menjawab soalan kefahaman.

Dapatan ini menunjukkan bahawa murid tertarik dengan penggunaan strategi drama dalam pengajaran kefahaman dan mereka bersetuju akan keberkesannya dalam meningkatkan pemahaman mereka terhadap sesuatu teks kefahaman. Melalui strategi ini, semua murid terlibat aktif dalam melakonkan sebahagian kandungan teks kefahaman secara berkumpulan dan secara individu pula, mereka terangsang untuk memahami lakonan rakan-rakan yang lain. Murid yang pendiam dan kurang aktif juga berpeluang untuk melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti-aktiviti drama.

Berdasarkan perbandingan markah bagi SA1 dan SA2, didapati terdapat peningkatan bagi pencapaian murid menjawab soalan kefahaman. Bagi SA1, peratusan murid yang lulus bagi bahagian kefahaman sebanyak 62% manakala bagi SA2 sebanyak 82%. Terdapat peningkatan sebanyak 20%. Sila rujuk Rajah 2.



**Rajah 2: Perbandingan Markah antara SA1 dengan SA2**



## KESIMPULAN

Kesimpulannya, guru harus sentiasa berusaha membuat pemilihan bahan pengajaran dan aktiviti yang pelbagai untuk merangsang murid agar mereka dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Pada mulanya, guru menghadapi cabaran apabila murid hanya menggunakan strategi Bingkai Beku kerana keterbatasan dari segi pergerakan dan perbualan. Namun, dengan penambahan strategi Main Peranan dan Tembok Peranan, murid menjadi lebih kreatif menonjolkan idea utama dalam sesuatu bahagian teks kefahaman. Proses melakonkan sesuatu bahagian cerita secara tidak langsung meningkatkan pemahaman murid terhadap bahagian yang ingin dilakukan itu. Hal ini disokong dengan penerapan elemen STP. Langkah-langkah pelaksanaan bagi Aktiviti Mengajar (AM) ‘menggunakan cerita dan imejan’ dan ‘pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi’ amat membantu guru melaksanakan pelajaran dengan lebih fokus dan lebih berkesan. Pelibatan murid amat terserlah semasa aktiviti main peranan dijalankan.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, jelas menunjukkan bahawa penerapan pendekatan drama dalam PdP kefahaman membaca dapat meningkatkan dan membantu pemahaman murid terhadap teks kefahaman melalui idea-idea utama yang dicungkil bagi setiap perenggan. Penerapan drama dalam pengajaran kefahaman juga menggalakkan murid menjana

pemikiran secara kreatif dan imaginatif. Oleh itu, penerapan pendekatan drama dalam PdP akan diteruskan memandangkan ia amat berkesan dan menggalakkan pembelajaran secara holistik.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Nur Amirah Raman
2. Nurul Asyiqin Mohamed Fadzil

## RUJUKAN

Bason J. (2005). *The Benefits Of Drama Education, The Drama Game-life*. Diperolehi pada 10 Spetember 2018 daripada <http://www.dramaed.net>

Bowell Pamela & Heap Brian S. (2001). *Planning process drama*. 1-55. London: David Fulton Publishers.

Isnani Norasiken Mohamed Ali (2015). Drama Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam Memperelok Budi, memperindah Bahasa, Prosiding Seminar Bahasa Melayu 2015, Hlm. 66-76. Pusat Bahasa Melayu Singapura: Oxford graphic.

Khairunnisa Mohd Isa & Muhammad Reduan Yahaya (2014). Keberkesanan Pendekatan Drama (Teater) Menerusi Penilaian K.P.E Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, hlm. 106-115. Pusat Bahasa Melayu Singapura: Oxford graphic.

Lenore B Kelner, Rosalind Flynn (2006). *A dramatic approach to reading comprehension: Strategies and activities for classroom teachers*. USA: Heinemann.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Rosenshine, B. (1985). Direct instruction. In T. Husén & T. N. Postlethwaite (Eds.). *International Encyclopedia of Education* (Vols. 1-10, Vol. 3). Oxford: Pergamon Press.

Soh Kay Cheng & Hunter Mary Ann in *The Necessary Stage for Youth Branch* (1999). 12 Development through drama towards providing a holistic education in Singapore, (hlm. 4 -7), Singapore.

